


Nota Kursus




Microsoft **Expression Web**

Nota ini akan menerangkan secara asas bagaimana untuk membina tapak web, membuat laman HTML, membuat elemen CSS dan paparkan laman web yang telah siap pada pelayar web.

Membina Tapak Web Baru

Sebelum mulakan dengan membuat laman web, diterangkan terlebih dahulu cara untuk membuat tapak web menggunakan **Ms Expression Web**:

1. Pilih **Menu Site => New Site**
2. Dialog **New** akan dipaparkan dan sila pilih **General** pada kolum pertama dan pilih **Empty Site** pada kolum yang kedua.



Apabila **Empty Site** dipilih, **Ms Expression Web** akan wujudkan satu folder kosong di mana folder ini akan bertindak sebagai tapak web dan akan menyimpan semua fail dan subfolder nanti.

Ms Expression Web juga akan memberikan nama secara automatik kepada tapak web anda iaitu “mysite” dan anda boleh menukarkan nama tersebut pada ruangan **Name**. Lokasi folder juga boleh ditukar apabila anda menekan butang Browse dan boleh letakkan di mana-mana lokasi dalam PC anda.


Membuat Laman Web Baru

Untuk membuat dokumen **HTML** yang baru, sila pilih **File=>New=>Page** dan tentukan jenis dokumen yang anda mahu buat. Untuk kursus ini, kita akan buat dokumen **HTML** sahaja dan anda boleh pilih **File=>New=>HTML**.

Sebelum anda lakukan apa-apa pada dokumen ini, pastikan anda namakan dan dahului dokumen anda sebagai “**index.html**” atau “**default.html**” sebagai laman utama anda. Bagi lain-lain dokumen yang anda wujudkan nanti, anda boleh berikan apa-apa nama tetapi pastikan tiada ruang kosong dan karekter khas pada nama yang diberi pada dokumen tersebut.

Seterusnya klik pada **File=>Properties** untuk lakukan fungsi-fungsi berikut:

1. Pada tab **General**, masukkan **Title** untuk memberikan tajuk laman web anda di mana tajuk ini akan dipaparkan pada bahagian paling atas di setiap pelayar web. Tajuk ini juga akan disimpan dalam senarai **Bookmark** apabila seseorang menanda laman web anda.
2. Pada tab **Formatting**, anda boleh tentukan warna latar belakang, warna teks dan warna untuk **hyperlink**.
3. Seterusnya pada tab **Advanced** anda boleh tentukan **margin top**, **bottom**, **right** dan **left** bagi kandungan untuk setiap laman web anda




Membuat Rekabentuk laman dengan Layer

Sekarang anda telah ada tapak web dan laman utama, seterusnya anda perlu masukkan kandungan dalam laman web anda. Mari mulakan rekabentuk kandungan dengan penggunaan **layer**.


Layer dalam **Expression Web** menggunakan tag `<div>` dengan **CSS** dan posisi **absolute**. Ini bermaksud anda boleh meletakkannya di mana-mana pada laman web dan bergantung kepada lokasi koordinat piksel yang ditentukan. Anda boleh masukkan element teks, imej dan sebagainya ke dalam **layer**.

Penggunaan **layer** adalah sangat popular dalam rekabentuk laman web sekarang kerana ia memberikan kawalan yang tepat dalam menentukan lokasi sebarang elemen/komponen web.


1. Untuk masukkan **layer** ke dalam laman web, klik ikon **layer** di dalam panel **Toolbox** dan heret (**drag**) ke dalam laman web. **Layer** akan dipaparkan secara automatik pada bahagian atas sebelah kiri.



2. Anda boleh ubah saiz dan kedudukan **layer** dengan cara klik pada layer ini. Anda juga boleh menggunakan panel **CSS Properties** untuk mengubah lebar dan tinggi mengikut ukuran piksel.
3. Untuk masukkan imej, sila pilih **Insert=>Picture=>From File** dan pilih imej yang ada dalam PC anda.
4. Kekotak dialog **Accessibility Properties** akan dipaparkan. Sila masukkan keterangan gambar. Untuk contoh ini, masukkan "Foto 3 ekor kucing kesayangan saya".



Anda boleh gunakan panel **Tag Properties** untuk melihat sebenar imej yang digunakan dan kemudian ubah saiz layer mengikut saiz imej pada panel **CSS Properties**. Untuk kursus ini saya letakkan saiz **layer** adalah 800px (lebar) dan 200px (tinggi).



Tambah dan Ubahsuai Layer

Untuk seterusnya kita masukkan lagi 3 **layer** dan masukkan kandungan dalam setiap **layer** berkenaan. Kita akan gunakan panel **CSS Properties** untuk menentukan posisi setiap **layer** dengan lebih tepat dan sempurna.

1. Sila pilih dan klik ikon layer pada panel **Toolbox** dan letakkan pada sebelah kiri laman web seperti rajah di bawah. Masukkan teks seperti berikut:
 - a. Menu Utama
 - b. Aktiviti Saya
 - c. Hubungi Saya
 - d. Lain-lain Pautan




2. Seterusnya masukkan **layer** yang ke dua dan letakkan di tengah laman web seperti rajah di bawah.
3. Pastikan kursor anda berada di dalam **layer** ke dua dan kemudian pilih menu **Insert=>Picture=>From File** untuk mencari gambar yang sesuai dan letakkan dalam **layer** ini.



4. Ubahsuai lebar dan tinggi **layer** untuk disesuaikan dengan saiz imej yang dimasukkan menggunakan panel **CSS Properties**.
5. Kemudian masukkan layer yang ke tiga dan letakkan posisi sebelah kanan laman web. Lihat rajah di bawah.



6. Anda boleh masukkan teks sendiri ke dalam **layer** atau masukkan “dummy text” untuk penuhkan ruangan ini. Untuk “dummy text” sila pergi ke laman <http://ms.lipsum.com> dan salin perenggan yang pertama sahaja.
7. Sebelum anda **paste** teks yang telah disalin, pastikan kursor anda berada dalam **layer** yang ke tiga tadi. Seterusnya klik menu **Edit=>Paste Text...**
8. Satu kekotak dialog **Paste Text** akan dipaparkan seperti di bawah dan pilih **Normal paragraphs without line breaks**. Seterusnya klik OK




9. Kemudian masukkan tajuk bagi cerita yang dipaste tadi. Letakkan kursor pada posisi kiri dan paling atas dalam **layer** yang ke tiga dan kemudian tekan kekunci **Enter** pada papan kekunci untuk masukkan dua baris ke bawah. Untuk contoh ini masukkan tajuk sebagai “**Kisah Kucing Saya**”.




Format Headline Styles

Dalam bab ini akan diterangkan format untuk **headline** (Kepala Tajuk) menggunakan tag **header** dan boleh menukar **style headline** melalui ubahsuai jenis **font** dan saiz.

1. **Highlight** tajuk yang dimasukkan tadi iaitu “**Kisah Kucing Saya**”.
2. Pada **toolbar** menu pilih **Heading 1 <h1>** dan teks akan automatik akan menjadi **bold** dan berubah saiz.



3. Anda boleh menukar **style heading** ini menggunakan **CSS Style**. Untuk lakukan ini sila klik **New Style** pada panel task **Apply Styles** atau **Manage Styles**
4. Kekotak dialog **New Style** akan dipaparkan. Pada kolum **Selector**, sila pilih **h1**
5. Pada **Font Category**, pilih **font-family** sebagai **Arial, Helvetica, sans-serif**
6. Masukkan **font-size** sebagai **16px** iaitu dalam ukuran piksel.
7. Seterusnya klik **OK** dan **style h1** akan berubah mengikut kriteria yang dimasukkan tadi.



Gunakan CSS Untuk Align Images


Seterusnya kita akan masukkan imej yang mengandungi cerita dan tajuk cerita dan buat **style align** untuk imej supaya teks akan mengelilingi imej tersebut.

1. Letakkan kursor pada permulaan perenggan yang pertama.
2. Pilih **Insert=>Picture=>From File** untuk pilih imej yang hendak dipaparkan
3. Kekotak **Accessibility Properties** akan dipaparkan dan seperti biasa masukkan keterangan dalam kolom **description**.

4. Apabila imej dimasukkan, teks secara automatik akan berada di bawah imej. Lihat rajah di bawah.



5. Jika anda mahukan align imej berada di sebelah kiri atau kanan dan teks akan mengelilingi imej berkenaan, anda perlu membuat perubahan pada alignment imej berkenaan. Untuk tujuan ini kita akan buat satu **style CSS** untuk digunapakai pada imej atau mana-mana elemen yang ada.
6. Klik **New Style** pada panel **Apply Styles**.
7. Kekotak **New Style** akan dipaparkan. Pada ruangan **Selector** masukkan **.img-right**
8. Pada ruangan **Category** sila klik pada **Layout** dan pada ruangan **float** pilih **right**
9. Pada ruangan **Box Category**, pergi ke ruang **Margin** dan **uncheck** pada kotak **Same for all**. Masukkan **10px** dalam ruangan **bottom** dan **left**
10. Seterusnya klik butang OK



11. Seterusnya klik pada imej yang dimasukkan tadi dan pada panel **Apply Styles** klik pada **style .img-right**.
12. Imej secara automatik akan berada pada sebelah kanan dan teks akan mengelilingi imej tersebut di sebelah kiri. Lihat rajah di bawah.


<p>Menu Utama Laman Utama Aktiviti Saya Hubungi Saya Lain-lain Pautan</p>	<p>Kisah Kucing Saya</p>	
	<p> Lorem ipsum dolor sit amet, consectetur adipiscing elit. In id mollis arcu. Donec molestie eu nunc sed accumsan. Phasellus nec felis non ante mollis cursus. Vivamus velit erat, ultrices vel massa sed, dictum faucibus orci. Curabitur tortor nisl, lobortis sit amet interdum eu, ultricies ut erat. Nullam ut lacus lacus. Aliquam neque mi, sollicitudin nec leo eleifend, mattis ultrices augue. Phasellus nulla arcu, dignissim vitae lacinia a, commodo eu ipsum. Nulla lobortis quam ac ex interdum, in volutpat nibh pharetra. Vestibulum a auctor elit, et varius nibh. Mauris condimentum nisi a pharetra tempor. Pellentesque habitant morbi tristique senectus et netus et malesuada fames ac turpis egestas. Nunc sed nisl nec orci euismod ultrices ac non augue. Proin accumsan sit amet nisi at viverra. </p>	

Membuat Pautan

Expression Web menyediakan kaedah untuk membuat pautan pada laman web sendiri atau laman web luar yang amat senang. Sebelum membuat pautan pada laman web yang lain, satu laman web yang lain hendaklah diwujudkan. Untuk membuat laman web yang baru, sila ikuti langkah berikut:

1. Pilih menu **File=>New=>HTML** dan satu laman web yang kosong dipaparkan di sebelah laman web **index.htm**
2. Pilih **File=>Save** dan anda boleh berikan sebarang nama pada dokumen ini. Pastikan tiada ruang kosong dan karekter khas pada nama tersebut. Untuk kursus ini saya berikan nama "**hubungikami.html**"
3. Pilih **File=>Properties** untuk memberikan Tajuk, warna latar belakang, **margin** dan sebagainya


4. Masukkan teks pada laman ini untuk mengenal pasti bahawa ini adalah laman web yang lain. Sebagai contoh, dimasukkan teks “**Hubungi Kami**” dan berikan format dengan tag `<h1>`



5. Seterusnya pilih **File=>Save** untuk menyimpan laman web ini dan kita sudah boleh lakukan pautan pada laman web ini

Kemudian pergi semula ke laman web yang pertama iaitu fail “**index.htm**” dengan cara klik pada **tab index.htm** pada bahagian atas ruang kerja (**workspace**). Untuk membuat pautan pada laman web yang pertama ini, sila ikuti langkah berikut:

1. **Highlight** pada perkataan “**Hubungi Kami**” pada layer sebelah kiri.
2. Pilih menu **Insert=>Hyperlink** dan satu kotak **dialog Insert Hyperlink** akan dipaparkan
3. Pilih mana-mana fail yang hendak dipautkan dengan cara klik pada salah satu senarai fail yang dipaparkan. Sebagai contoh, klik pada fail “**hubungikami.html**”
4. Klik **OK** dan pautan akan disetkan secara automatik




Untuk membuat pautan pada laman web yang lain, sila ikuti langkah-langkah berikut:

1. Highlight pada teks **“Lain-lain pautan”** pada layer sebelah kiri.
2. Pilih menu **Insert=>Hyperlink**
3. Satu kotak **Insert Hyperlink** akan dipaparkan. Pada ruangan **Address** sila masukkan alamat **URL** yang penuh laman web dan contoh di sini anda boleh masukkan **URL** <http://www.kucing.my/>
4. Klik **OK** dan pautan akan dibuat secara automatik

Untuk menguji pautan anda yang anda wujudkan tadi, anda perlu paparkan laman web ini pada pelayar web.

1. Pastikan semua dokumen laman web telah disimpan dengan cara klik menu **File=>Save**
2. Kemudian pilih **File=>Preview in Browser** dan pilih salah satu pelayar web yang dipaparkan.



3. Apabila pelayar web telah dipilih, rajah seperti di bawah akan dipaparkan dan anda boleh klik pada pautan yang telah diwujudkan tadi.





ATTENTION



Your PDF Document is a scanned, image-based PDF

To successfully convert this file, you need OCR based Able2Extract Professional.

Get a 100% Free Trial here:

[http://www.investintech.com/prod_downloads2e_pro.htm?
utm_source=trial&utm_medium=organic&utm_campaign=trial-download-pro](http://www.investintech.com/prod_downloads2e_pro.htm?utm_source=trial&utm_medium=organic&utm_campaign=trial-download-pro)